

*Junjungan  
Budi Sinaran  
Lembayung*

CANSELOR UTeM

TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA  
DR. HAJI MOHD ALI  
BIN MOHD RUSTAM

LG  
173  
.M44  
.M35  
2024  
a  
v20  
suppl.





PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

INGATAN TULUS IKHLAS

SUMBANGAN

CITI SALUWA BT JAMAL

مليسيا ملاك

TEL : 06-270 1000 FAKS 06-270 1022

<http://library.utm.edu.my>

اويوم سيني

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KI/SRA/GIFT/A/ORI  
CN: 12433  
87518495

LG173.M44 .M35 2024 v20 suppl.



87518495



UTeM

اوپونرسیتی تکنیکل مالسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**UTeM**

اويونرسيتي تيكنيكل ماليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Junjungan  
Budi Sinaran  
Lembayung*

CANSELOR UTeM

TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA  
DR. HAJI MOHD ALI  
BIN MOHD RUSTAM

MASSILA KAMALRUDIN  
RUZIAH ALI  
MASDZARIF MAHAT

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
ISBN: 978-629-7658-98-8

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)  
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)  
Ahli Clarivate Analytics

**Penyunting**

Rahizah Abdul Rahman

**Penyumbang Artikel**

Mohd Khairul Nizam Suhaimin  
Faradila Md Yusof  
Khairul Razik Mohamad Isa  
Muhammad Afiq Aziz@ Abdul Aziz  
Fatonah Salehuddin  
Siti Zurah Mohd Nasir  
Aswanzie Abbyd Zainal Abidin

**Pembaca Pruf**

Mohd Hafizuddin Yusof  
Nur Aina Nadira Rosley

**Pemantun**

Ernie Suhadah Mod Husin

**Pereka dan Pengatur huruf**


Norhayati Yakob

**Jurufoto**

Md Nor Mohamad Saleh  
Mohd Farid Supangi  
Asri Abu

Diterbit dan dicetak di Malaysia oleh  
Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.  
Tel: +606 270 1241 Faks: +606 270 1038



# *Kandungan*

Prakata	v
TYT – UTeM di Hati	1
Canselor UTeM Memacu Lonjakan Penyelidikan dan Inovasi	9
Watikah Pelantikan Pro Canselor UTeM	17
Konvokesyen UTeM '19'	21
Tun Ali dan Masyarakat Berpisah Tiada	31
Canselor UTeM Tokoh Ilmuan Terbilang	57
Canselor UTeM dan Pengantarabangsaan	67
Tun Ali Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran	81
Bibliografi	84





# Prakata



Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam merupakan anak jati kelahiran Melaka. Tanggal 24 Ogos 1949 bersamaan 29 Syawal 1368h, beliau dilahirkan di Bukit Katil, Melaka. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Bukit Katil dan Sekolah Kebangsaan Semabok, seterusnya ke Sekolah Tinggi Melaka (Melaka High School). Dengan keputusan cemerlang di peringkat menengah melayakkan beliau untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kemasyarakatan (Ekonomi Pembangunan) dari Universiti Sains Malaysia (USM). Dengan minat yang mendalam dalam bidang pengajian, beliau mengorak langkah menyambung pengajian Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Malaya (UM). Pada tahun 2023, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam telah dikurniakan Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dari UM, sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya ke-63.

Tun Ali merupakan Yang di-Pertua Negeri Melaka yang ketujuh dan terkini sejak tahun 2020. Beliau juga merupakan bekas Ketua Menteri Melaka yang kesembilan dan memegang tampuk pemerintahan negeri Melaka paling lama dengan pelbagai pencapaian yang membanggakan selama 14 tahun pemerintahannya dari tahun 1999 hingga tahun 2013. Beliau seorang idealis yang praktikal, berpendirian tegas, berani, cekal dan yakin dengan kebolehan diri sendiri. Maka tidak hairanlah di bawah kepimpinan beliau, Melaka telah dikenali sebagai sebuah negeri yang pesat membangun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan mengurniakan Surat Cara Pelantikan kepada Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam sebagai Yang Dipertua Negeri Melaka bagi penggal kedua, bermula 4 Jun 2024. Bertepatan dengan kedudukan beliau yang telah dilantik bagi penggal kedua ini, beliau adalah calon yang selayaknya untuk dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka. UTeM sentiasa meletakkan keyakinan penuh terhadap TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam dapat memacu UTeM ke arah mencapai visi dan misi yang lebih gemilang dan terbilang.

Buku yang digarap, ditulis dan diterbitkan melalui penulisan bergambar ini adalah himpunan aktiviti-aktiviti Tun Ali sepanjang menjadi Canselor UTeM. Diharap buku ini akan menjadi sumber rujukan dan sebagai tanda kenang-kenangan kepada warga UTeM khususnya dan rakyat negeri Melaka amnya dalam memberikan maklumat berkenaan TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam sepanjang beliau menjadi Canselor UTeM, semoga dengan pemasyhuran semula TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam sebagai Canselor ini, visi dan misi UTeM untuk menjadi Universiti Teknikal yang kreatif, inovatif dan terkemuka di pentas dunia dapat direalisasikan.





Taming Sari keris sakti,  
Kersani idaman hikmat tarungan;  
Pembesar negeri sanjungan universiti,  
Tuan budiman kasih junjungan.

Keris hikayat legenda namamu,  
Sarung berdaun cantik larikan;  
Memacu hasrat muliakan ilmu,  
Pemasyhuranmu Tun lambang kecerdikan.

Iringan dandi gemalai tari,  
Tari warisan hati tertambat;  
Junjungan budi intan nubari,  
Sinari insan ilmuwan hebat.

Herba diramu periuk keluli;  
Usai dimasak jadilah ubat;  
Kekuatan ilmu Tun unggul,  
Tangkas bak Tuah berani bak Jebat.

TUAN YANG TERUTAMA  
(TYT) TUN SERI SETIA  
DR. HAJI MOHD ALI  
MOHD RUSTAM  
UTeM

*di Hati*



UPACARA PECAH TANAH KAJI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL  
Disempurnakan oleh  
Y.A.B. DATUK SERI UTAMA  
PERDANA MENTERI  
JUMAAT



UTAMA  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Utama  
METACORP BE  
Tel: 06-232 1122

PEJABAT  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA  
TEL: 06-2331818 / 2828



Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ialah jawatan tertinggi yang memegang peranan penting dalam pentadbiran universiti. Canselor merupakan seorang tokoh terkemuka yang mempunyai sumbangan besar dalam bidang pendidikan, industri, atau kerajaan. Bertanggungjawab untuk memberikan panduan strategik dan nasihat kepada universiti, serta mewakili institusi dalam pelbagai acara dan aktiviti. Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam telah dimasyhurkan untuk penggal kedua sebagai Canselor UTeM.

Sepanjang Tun Ali memegang tampuk pentadbiran UTeM, pelbagai sumbangan yang telah beliau berikan meliputi beberapa aspek utama iaitu Pembangunan Pendidikan, Hubungan Industri, Kepimpinan dan Visi, Penyelidikan dan Inovasi serta Pembangunan Komuniti.


Keterlibatan Tun Ali sebagai Canselor UTeM dalam pembangunan pendidikan adalah melibatkan beberapa aspek penting, antara aspek penting yang dititikberatkan adalah menyokong penggubalan dasar pendidikan. Tun Ali berperanan dalam merumuskan dan mengkaji dasar-dasar pendidikan yang selaras dengan visi dan misi universiti. Selain itu yang paling utama adalah memastikan bahawa kurikulum yang ditawarkan relevan dengan keperluan industri. Peningkatan kualiti akademik juga amat dititikberatkan dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM mencapai




standard yang tinggi. Melalui kerjasama antarabangsa dalam membangun jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan lain di peringkat antarabangsa turut dipertingkatkan menerusi perkongsian ilmu dan pengalaman. Penglibatan Tun Ali dalam program pengajaran dan pembelajaran seperti menghadiri dan menyokong pelbagai seminar, persidangan dan pelbagai acara adalah salah satu usaha Tun Ali dalam menyokong dan membantu UTeM untuk mengekalkan standard pendidikan yang tinggi dan relevan dengan perubahan dalam bidang teknologi dan industri.

Tun Ali amat komited menyokong UTeM dalam hubungan industri kerana bagi Tun Ali ianya amat penting dalam memastikan pendidikan teknikal kekal relevan dan praktikal. Program pembangunan kurikulum dengan kerjasama industri dititikberatkan agar ianya selaras dengan keperluan kemahiran yang dicari oleh majikan. Bagi Tun Ali menyertai forum atau persidangan yang membincangkan isu-isu industri terkini, adalah perlu kerana pelajar dan staf boleh berinteraksi dengan profesional industri. Program ini secara tidak langsung dapat membantu UTeM dalam mengekalkan reputasi sebagai institusi pendidikan teknikal yang berkualiti.

Sejajar dengan peranan sebagai Canselor UTeM, Tun Ali memberi impak yang besar dalam dalam penyelidikan dan inovasi. Dimana bidang penyelidikan dan inovasi adalah kunci utama untuk mengukuhkan kedudukan universiti sebagai pusat penyelidikan dan inovasi. Tun Ali menyokong usaha pembiayaan penyelidikan sebagai salah satu usaha untuk memastikan kelangsungan projek penyelidikan berjalan lancar.













Keterlibatan Tun Ali dalam pembangunan komuniti adalah penting untuk memperkukuhkan hubungan universiti dengan masyarakat setempat. Beberapa acara keterlibatan Tun Ali dapat dilihat melalui program tanggungjawab sosial yang melibatkan pelajar dan staf dalam aktiviti kemasyarakatan. Bagi Tun Ali pembangunan kemahiran dengan menawarkan kursus dan latihan kepada komuniti untuk membangunkan kemahiran yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan kebolehan ekonomi masyarakat setempat. Inisiatif hijau dengan mendorong projek-projek mesra alam yang melibatkan masyarakat, seperti kempen penanaman pokok dan pembersihan kawasan, untuk menyokong kelestarian alam sekitar. Penglibatan pelajar dapat dilaksanakan dengan menggalakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam projek pembangunan komuniti sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran mereka, membantu mereka memahami tanggungjawab sosial. Sokongan kepada usahawan tempatan dalam menyokong usahawan tempatan melalui program inkubator atau pemindahan teknologi, membantu mereka mengembangkan perniagaan dan memperkukuhkan ekonomi setempat. Keterlibatan ini dapat membantu UTeM dalam membina hubungan yang kuat dengan komuniti, meningkatkan kesedaran sosial di kalangan pelajar dan staf, serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih baik.




Buih dipintal ombak desirkan,  
Syahdu bisikan irama puisi;  
Semangat kental serlah keunikan.  
Cakna penyelidikan lonjakan inovasi.

Pancaran suria membawa cerah,  
Langit terpahat si awan larat;  
Perkongsian idea saranan ilmiah,  
Moga berkat berkekalan akhirat.

Hijau tumu busana puteri,  
Berselendang kasa bersuji biru;  
Pecinta ilmu pemimpin negeri,  
Memperkasa bangsa generasi baru.

Teruntum merah motif busana;  
Kain rawa tampak serasi;  
Keintelektualan terserlah nan bijaksana,  
Cemerlang wibawa suntikan inspirasi.



*Canselor*  
UTeM MEMACU  
LONJAKAN  
PENYELIDIKAN DAN  
INOVASI


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Penyelidikan dan inovasi memainkan peranan penting bagi sesebuah universiti dalam pembangunan teknologi dan kemajuan industri. Kemajuan dalam penyelidikan dan inovasi akan membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat, mengurangkan jurang teknologi secara global dan menambahkan nilai ekonomi negara melalui kelestarian hidup yang lebih baik.

UTeM menetapkan pembuatan termaju dan teknologi perkomputeran sebagai bidang tujuhan bagi memfokuskan hala tuju penyelidikan yang lebih jelas dan lebih praktikal. Ia juga memberi kelebihan kepada universiti untuk bergerak seiring dengan pihak industri dengan penawaran kepakaran yang menjurus kepada bidang tersebut. Di samping itu juga UTeM telah menubuhkan Pusat Pembuatan dan Teknologi Pintar bagi memantapkan pengurusan penyelidikan yang bersepadu serta mengukuhkan kerjasama strategik bersama pihak industri.

Tun Ali sangat prihatin mengenai perkembangan penyelidikan dan inovasi di UTeM dan menyokong penuh segala usaha yang dijalankan. Bermula daripada tarikh pelantikan beliau sebagai Canselor UTeM pada 15 Ogos 2020, beliau telah banyak menyumbang dalam meningkatkan pencapaian penyelidikan di UTeM dan membantu membuka ruang kolaborasi bersama industri serta penemuan teknologi baharu.

Pada 28 September 2021, warga UTeM dengan berbesar hati telah menerima lawatan Tun Ali ke Kampus Teknologi UTeM di Hang Tuah Jaya Ayer Keroh Melaka. Semasa sesi lawatan ini, beliau telah diberikan taklimat mengenai perkembangan penyelidikan dan inovasi di UTeM. Selain itu, Tun Ali juga telah melihat prototaip produk penyelidikan yang telah dibangunkan oleh penyelidik UTeM yang berpotensi untuk dikomersilkan.





Keprihatinan Tun Ali sangat disanjung apabila beliau telah bersetuju untuk turut bersama dalam program Sesi Libat Urus Tun Canselor UTeM bersama Penyelidik yang telah diadakan pada 14 Jun 2022. Sesi ini diadakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci bagi produk penyelidikan yang berpotensi untuk diketengahkan.







## *Program Strategik Kelestarian Sungai Melaka*

Sungai Melaka yang dulunya tidak mempunyai fungsi kini menjadi antara destinasi pelancongan utama di negeri Melaka atas usaha kerajaan negeri untuk mengindahkan dan menyediakan perkhidmatan River Cruise. Justeru itu, penyelidik UTeM telah melaksanakan beberapa projek inovasi bagi melestarikan Sungai Melaka agar terus terpelihara dan memberi manfaat kepada masyarakat sekitar.

Tun Ali terus mengorak langkah dalam memperkasakan penyelidikan dan inovasi di UTeM dengan kesudian untuk hadir dalam program Sesi Libat Urus Penyelidikan bersama Tun Canselor UTeM yang telah dijalankan pada 6 Februari 2023. Semasa sesi ini, beliau telah diberikan taklimat mengenai pencapaian penyelidikan dan inovasi di UTeM oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin. Para penyelidik juga telah mempamerkan produk penyelidikan yang dihasilkan untuk melihat potensi ke peringkat seterusnya.

## *Memperkasa Penglibatan Negeri Melaka dalam Industri Makanan Negeri Melaka Dalam dan Luar Negara Tahun 2022 hingga 2030*

Hasil inspirasi Tun Ali bagi memastikan keterjaminan sumber makanan di negeri Melaka, satu kajian telah dilaksanakan yang melibatkan penyelidik-penyelidik UTeM. Kajian tersebut bertajuk 'Memperkasa Penglibatan negeri Melaka dalam Industri Makanan Dalam dan Luar Negara Tahun 2022 hingga 2030.' Kajian ini dilaksanakan atas keprihatinan Tun Ali yang melihat peningkatan penduduk negeri Melaka dijangka akan berdepan dengan isu sekuriti makanan sekiranya ia tidak ditangani dengan sewajarnya.

Kajian ini turut melibatkan Yayasan Canselor UTeM serta Yayasan DMDI selaku penaja projek kajian ini. Melalui kerjasama dengan pihak yang terlibat ini, penyelidik UTeM telah dapat mengenal pasti peluang untuk negeri Melaka menyumbang dalam sektor pertanian dan penternakan yang mampu menampung keterjaminan makanan di negeri Melaka menjelang tahun 2030. Beberapa strategi telah dirangka melalui kajian ini yang melibatkan semua sektor berkaitan iaitu pertanian, penternakan, perikanan, akuakultur dan pemprosesan makanan berserta dengan

pelan strategi bagi memastikan pelaksanaan yang berimpak.

Peluang yang diberikan kepada penyelidik UTeM ini sangat berharga kerana ia telah memberi UTeM ruang untuk menyumbang kepakaran serta meningkatkan ekonomi negeri secara komprehensif. Penyelidik UTeM juga telah merangka strategi holistik yang melibatkan semua sektor untuk sama-sama berganding bahu menangani isu keterjaminan sumber makanan di Melaka seiring dengan kepesatan pembangunan dan penambahan penduduk.


Sehingga kini UTeM telah berjaya memeterai kolaborasi penyelidikan dengan pelbagai pihak dan industri yang telah memberikan manfaat kepada perkembangan teknologi pembuatan negara dan kemajuan ekonomi yang lebih baik. Tun Ali telah memainkan peranan yang besar dan pembangunan penyelidikan di UTeM dengan menjadi pemangkin kerjasama strategik pintar serta menjulang nama UTeM dengan mempelopori pelbagai inisiatif pembangunan produk penyelidikan UTeM.









អាម ខេមបូឌា ហ្វឹតបែន  
CAMBODIA FOOD BANK





Putih raksa isinya cipan,  
Tumpas sena beliung berani;  
Pejuang wangsa pimpinan mampan,  
Ilmuwan bijaksana rakyat disantuni.

Elok pantun nada dendangan,  
Indah kala cereka dibumbu;  
Kewibawaan Tun jadi kebanggaan,  
Keprihatinanmu idola sanjungan kalbu.

Padi segemal bawa bertuah,  
Bangga rasa penuhi raga;  
Tiada kenal erti mengalah,  
Penerus bangsa siap siaga.

Teras dipahat genta laungkan;  
Pecah ruyung kapak perkasa;  
Kebajikan rakyat amat diutamakan,  
Tun payung naungan bangsa.

*Watikah*  
PELANTIKAN  
PRO CANSELOR  
UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pada 6 Ogos 2024, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dilantik sebagai Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bermula dari 1 Mei 2024 hingga 30 April 2027. Pelantikan ini telah disempurnakan oleh Tun Ali berdasarkan perakuan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia. Tan Sri Abdul Rashid merupakan pengasas RHB Group dan sekarang memegang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Tabung Haji. Beliau berpengalaman lebih 40 tahun dalam sektor kewangan dan korporat.

Pengalaman luas beliau diharap dapat membawa impak positif dan membantu UTeM dalam mencapai kecemerlangan di peringkat global, selaras dengan objektif universiti untuk melahirkan graduan yang berdaya saing dalam industri. Pelantikan beliau memberi Impak kepada UTeM dan negeri Melaka sekali gus mengukuhkan kepimpinan UTeM berdasarkan pengalaman beliau yang luas. Ini dapat meningkatkan imej dan reputasi UTeM dalam pelbagai sektor, memperkasa hubungan universiti dan industri melalui pengaruh beliau.



Pelantikan beliau telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan UTeM di

dalam sebuah majlis ringkas yang diadakan di Pejabat TYT. Sebagai Pro Canselor, Tan Sri Abdul Rashid Hussain akan mewakili Canselor dalam mempengerusikan Istiadat Konvokesyen serta menghadiri pelbagai majlis rasmi berdasarkan jemputan universiti.

Pelantikan Tan Sri Abdul Rashid Hussain sebagai Pro Canselor UTeM sememangnya membawa harapan besar kepada seluruh warga universiti. Sebagai seorang tokoh korporat dan konglomerat yang berpengalaman luas, kehadiran beliau akan memberikan impak positif dalam merapatkan hubungan antara universiti dan industri, terutamanya melibatkan pembangunan akademik yang relevan serta responsif kepada keperluan pasaran kerja.

Dengan pelantikan Tan Sri Abdul Rashid Hussain sebagai Pro Canselor, UTeM berharap untuk terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi dan inovasi, selaras dengan hasrat negara untuk menjadi pemain utama dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).





Kesumba merah saga si kundi,  
Rona cerlang seri anugerah;  
Insan bertuah teguh peribadi,  
Rai cemerlang memartabat maruah.

Ratna gusti arjuna kagumi,  
Gemala sakti idaman si dara;  
Seruan berbakti pujian disirami,  
Generasi penerus tonggak negara.

Keladi kemumu sedap hidangan,  
Gulai pati santan ramuannya;  
Ledakan ilmu bidikan sanjungan,  
Cemerlang universiti hebat warganya.

Hulurkan nyonya sirih setampin,  
Jangan diluah daunnya muda;  
Bersyukur rakyatnya jua pemimpin,  
Semangat Tuah berkalung di dada.



*Majlis*  
KONVOKESYEN  
KE-19

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA M

4-6 NOV | 20-22 RABIULAKHIR  
2023 | 1445H



*“Benih yang baik,  
dicampak ke laut menjadi pulau,  
dicampak ke darat  
menjadi gunung.”*

Majlis Konvokesyen ke-19 UTeM telah diadakan pada 4 hingga 6 November 2023 di Dewan Canselor, UTeM. Majlis ini merupakan satu upacara tradisi yang menonjolkan peranan penting Canselor, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, dalam memimpin dan memartabatkan UTeM. Kehadiran beliau bukan sahaja memeriahkan majlis, tetapi turut memberi inspirasi kepada graduan.



# N ke-19

AKA







Dalam ucapannya, Tun Ali menekankan pentingnya UTeM untuk terus memainkan peranan dalam penyelidikan dan pengembangan ilmu kejuruteraan serta teknologi, bagi mengekalkan statusnya sebagai universiti teknikal awam pertama di Malaysia. Tun Ali juga mengingatkan graduan bahawa kejayaan mereka tidak mungkin tercapai tanpa sokongan pensyarah, ibu bapa, dan keluarga, sambil menyeru para graduan agar menggunakan ilmu yang diperolehi untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Tun Ali turut menyampaikan ijazah dan anugerah kepada graduan cemerlang, termasuk Profesor Emeritus, Anugerah Huffaz Profesional, dan Anugerah Pelajaran DiRaja. Tun Ali mengucapkan tahniah kepada para penerima anugerah atas pencapaian mereka yang mengharumkan nama UTeM. Dalam ucapannya, Tun Ali turut menekankan bahawa UTeM harus terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan penyelidikan, pengumpulan, dan pemeliharaan ilmu kejuruteraan serta teknologi. Langkah ini adalah penting bagi memastikan status UTeM sebagai universiti teknikal awam pertama negara kekal menjadi pusat rujukan utama pada masa hadapan.



Majlis konvokesyen ini bukan sahaja penanda tamatnya perjalanan akademik, tetapi juga permulaan fasa baharu dalam kehidupan graduan, yang akan dibimbing oleh nilai-nilai yang diterapkan oleh UTeM dan pemimpin tertingginya. Majlis ini juga dapat meningkatkan reputasi UTeM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping memperkukuh hubungan antara universiti dan industri dengan kehadiran wakil industri. Selain itu, pengiktirafan alumni menjadikan mereka sebagai duta UTeM untuk meningkatkan pengaruh dan pengiktirafan UTeM dalam pelbagai sektor.

Tun Ali turut mengingatkan para graduan bahawa kejayaan yang dikecapi hari ini tidak mungkin menjadi realiti tanpa sokongan padu dan usaha gigih daripada semua pihak, khususnya pensyarah, ibu bapa, dan keluarga. Menurut Tun Ali, pepatah Melayu amat relevan dalam menggambarkan potensi besar graduan UTeM. Para graduan diseru agar terus melangkah maju, menggunakan ilmu yang diperoleh untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Tun Ali juga berpesan kepada para graduan untuk memanfaatkan ruang dan peluang yang telah diberikan agar dapat mencipta kejayaan pada masa hadapan.

Tun Ali mengucapkan tahniah kepada para penerima anugerah atas pencapaian mereka yang bukan sahaja mencerminkan kegigihan peribadi tetapi turut mengharumkan nama UTeM. "Semoga pemberian anugerah ini menjadi platform untuk memperkasakan lagi pembangunan ilmu dan keserjanaan akademik, baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa," ujar Tun Ali selepas menyampaikan anugerah kepada penerima.

Kehadiran Canselor di majlis konvokesyen bukan sahaja sebagai upacara istiadat, tetapi juga sebagai simbol kekuatan dan kredibiliti UTeM di mata dunia. Dalam ucapannya, Tun Canselor memaklumkan UTeM telah membangunkan gerak kerja yang dinamik dan berstrategik, agar aspek penyelidikan dan inovasi terkehadapan bagi menjulang pelbagai kejayaan di peringkat





KUNYUKELO  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA

DAUD

ANIR







kebangsaan mahupun antarabangsa. Hal ini juga selari dengan desakan era digitalisasi Revolusi Industri 4.0. (IR 4.0) dan persaingan antara negara-negara maju bagi mencapai fasa revolusi 5.0. Gerak kerja ini bukan sahaja menunjukkan komitmen UTeM untuk memajukan graduannya, tetapi juga peranan aktif Canselor dalam memastikan UTeM terus relevan dan unggul di peringkat nasional dan antarabangsa.

Penglibatan Tun Canselor UTeM dalam majlis konvokesyen mencerminkan dedikasi yang mendalam terhadap universiti dan komitmennya dalam memupuk generasi pemimpin masa depan. Dengan ucapan yang penuh inspirasi dan nasihat yang bermakna, Tun Ali telah memberi impak yang mendalam kepada para graduan.

Semangat dan pesanan Tun Ali diharapkan menjadi pendorong utama bagi para graduan, yang akan membawa nilai-nilai tersebut dalam setiap langkah mereka, baik dalam kerjaya mahupun kehidupan peribadi. Keterlibatan ini menegaskan lagi pentingnya peranan Canselor dalam membimbing dan memberikan sokongan moral kepada warga universiti.





Walinong Sari puteri legenda,  
Cerdik mengincar panahan sakti;  
Pemimpin negeri berpisah tiada,  
Kebahagiaan terpancar damai dinikmati.

Tegap rasuk gelegar di anjung,  
Hinggap nuri alangnya jati;  
Segenap pelusuk negeri dikunjungi,  
Peneraju negeri menabur bakti.

Pulau Undan memikat hati,  
Siulan pekaka simfoni halwa;  
Pemimpin dan rakyat saling hormati,  
Bangsa merdeka sehati sejiwa.

Atma meruntun ungu kemangi,  
Selasih jemuju pinggir desa;  
Kepimpinan Tun rakyat sanjungi,  
Melaka maju diberkati sentiasa.





TUN ALI DAN  
MASYARAKAT  
*Berpisah  
Tiada*

UNIVERSITI TEKNOLOGI MELAKA

Tun Ali merupakan seorang pemimpin yang terkenal dengan keperibadiannya yang mesra rakyat dan mementingkan hal kebajikan masyarakat. Beliau tidak pernah lesu dalam mengambil berat hal masyarakat setempat dengan bersama-sama menyertai pelbagai program kemasyarakatan yang dianjurkan tanpa mengira masa dan lokasi. Platform turun ke padang ini secara langsung membolehkan Tun Ali sentiasa mendapat perkhabaran secara terus dari hati masyarakat setempat terutamanya daripada kalangan mereka yang kurang berkemampuan, warga emas dan anak yatim. Sifat berjiwa masyarakat yang dimiliki oleh Tun Ali jelas terbukti apabila pelbagai inisiatif kebajikan telah diperkasa dan direalisasikan semasa tempoh kepimpinan Tun Ali sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua negeri Melaka. Usaha murni dan bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi tempatan ini ternyata banyak membantu dan mengurangkan bebanan hidup masyarakat setempat menerusi pelaksanaan projek menambah baik pembangunan sosial dan infrastruktur, memberikan sokongan padu kepada golongan belia dan penekanan khusus dalam perkembangan bakat sukan tempatan, menjayakan program bantuan kesihatan menerusi bantuan rawatan percuma atau subsidi kepada golongan berpendapatan rendah dan sebagainya.

Keunggulan peribadi Tun Ali ini juga lebih terserlah apabila beliau dilantik menjadi Canselor ketiga UTeM. Walaupun peranan seorang Canselor adalah bersifat simbolik dan seremonial, Tun

Ali tetap berpegang teguh dan memberikan komitmen tinggi dalam merealisasikan prinsip kebajikan yang menjadi keutamaan dalam setiap polisi yang bukan sahaja dizahirkan kepada rakyat malah turut merangkumi kumpulan warga UTeM khususnya dalam kalangan mahasiswa yang mana UTeM yang pada masa ini memiliki enrolmen pelajar hampir 13,575 siswa, merangkumi 1,200 siswa Pasca Siswazah dan seramai 12,375 siswa Pra Siswazah (berdasarkan data pada 19 Ogos 2024) daripada kalangan pelajar Pra Siswazah tersebut, sejumlah 61% daripadanya merupakan siswa dalam kategori B40.

Sejajar dengan hasrat kebajikan Pejabat HEPA pada tahun 2024 yang menekankan kepada elemen 3K iaitu Keupayaan, Kebajikan dan Kesejahteraan, pelbagai inisiatif bersepadu telah direncanakan dan direalisasikan oleh Pejabat HEPA bagi memastikan kesejahteraan siswa UTeM terus terjamin tanpa dibelenggu dengan bebanan yang tinggi. Hasrat murni ini semestinya mendapat sokongan padu yang berterusan dari Pengurusan Utama Universiti khususnya Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Canselor UTeM. Dalam jangka waktu pentadbiran sebagai Canselor, Tun Ali telah mempelopori pelbagai inisiatif yang berteraskan kebajikan khususnya yang memberi manfaat kepada siswa UTeM di samping memimpin pelbagai aktiviti bersama-sama pelajar Universiti ini.




## *Turun Padang bersama P penghuni Kolej Kediaman Satria*

Prasarana dan infrastruktur menjadi keutamaan Tun Ali bagi memastikan fasiliti yang tersedia memiliki keupayaan yang kondusif dan memberikan keselesaan kepada siswa UTeM. UTeM memiliki lima (5) blok Kolej Kediaman Satria yang megah terbina yang mula beroperasi pada September 2017, menempatkan 5,000 penghuni.

Pada Julai 2022, Tun Ali bersama-sama Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pegawai Kanan Universiti dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar telah meluang masa melawat Kolej Kediaman Satria bagi melihat sendiri kemudahan yang tersedia di Kolej Kediaman ini. Lawatan ini juga membolehkan Tun Canselor berkongsi pandangan dan memberikan nasihat serta idea bermanfaat bagi meningkatkan lagi kualiti kemudahan sedia ada dan beberapa projek yang berpotensi tinggi dapat meningkatkan lagi keselesaan dan kesejahteraan pelajar. Dalam memperkukuhkan lagi perpaduan dan kebersamaan antara penghuni Kolej Kediaman, Tun Ali turut mencadangkan supaya Jawatankuasa Kolej Kediaman mengadakan lebih banyak aktiviti bersama yang dapat memupuk semangat kekeluargaan UTeM di samping mencadangkan konsep pertandingan yang menjurus kepada keceriaan dan keindahan persekitaran serta mengekalkan kebersihan persekitaran.

Selain itu, lokasi strategik Kolej Kediaman Satria di kawasan tinggi membolehkan Tun Ali melihat kawasan persekitaran Kampus Induk yang boleh dimajukan dengan pembinaan projek yang dapat menyokong usaha perkembangan ilmu dan penyelidikan, selain turut memberi manfaat kepada masyarakat setempat.







## *Pemimpin Berjiwa Besar Menjulangi Sukarelawan*

Dalam kesibukan menzahirkan tugas sebagai Yang di-Pertua negeri Melaka, Tun Ali turut meluangkan masa dengan menyertai aktiviti sukarelawan gotong-royong bersama pelajar UTeM dari TUAH Volunteer Team (TVT) bagi membersihkan kawasan sekitar World Youth Foundation (WYF) di Ayer Keroh. Penjagaan keindahan persekitaran WYF merupakan aktiviti penting untuk dilaksanakan secara berkala kerana WYF merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang berfungsi sebagai platform pembangunan belia dan kepimpinan menerusi pelaksanaan pelbagai program berkaitan melibatkan belia dari seluruh dunia. Program gotong-royong mengindahkan persekitaran WYF menjadi lebih bermakna apabila Tun Ali sendiri berkongsi pengalaman sukarelawan bersama pelajar UTeM sekali gus memberi inspirasi dan motivasi yang berharga kepada para pelajar untuk terus aktif dalam bidang kesukarelawan.



Sejurus selesai program gotong-royong, Tun Ali juga turut meluangkan masa bersama-sama wakil pengurusan Universiti meninjau kawasan persekitaran Taman Seribu Bunga yang terletak berhampiran dengan WYF. Sejalan dengan fungsi sebagai taman rekreasi awam, Taman Seribu Bunga juga perlu diusahakan pembersihan secara berkala supaya matlamat penubuhan sebagai penyediaan ruang hijau untuk komuniti yang berupaya menjadi tarikan pelancong, serta platform mendidik masyarakat tentang alam sekitar dapat direalisasikan. Menyedari kepentingan ini, Tun Ali bersama-sama wakil Pengurusan Universiti telah berkongsi serta bertukar pandangan bagi merencanakan lagi keindahan persekitaran taman tersebut.

Kehadiran dan kebersamaan Tun Canselor dalam aktiviti sukarelawan membuktikan keperibadian Tun yang cakna dan menyantuni persekitaran sekali gus menyemarakkan lagi semangat mahasiswa untuk terus terlibat dalam aktiviti sukarelawan yang dapat menyokong nilai kepimpinan yang unggul di samping membina kualiti peribadi yang lebih terserlah.



## *Cakna Kesejahteraan menerusi Program Kayuhan Kemerdekaan, Forum Kemerdekaan dan Pelancaran Buku*

Dalam menjiwai semangat patriotisme bersempena dengan sambutan kemerdekaan Malaysia pada tahun 2022, Tun Ali bersama-sama Pengurusan Universiti dan pelajar UTeM telah meluangkan masa menyertai program kayuhan kemerdekaan sejauh tiga (3) kilometer ke kawasan sekitar Kampung Bukit Tambun, Durian Tunggal. Kayuhan ke kawasan masyarakat setempat ini amat signifikan dengan keperibadian murni Tun Ali yang cakna terhadap kebajikan masyarakat setempat dengan menyantuni golongan B40 di kawasan tersebut. Penduduk Kampung Bukit Tambun berasa lebih dihargai apabila Tun Ali sendiri memberikan bantuan *food bank* kepada keluarga B40 yang telah dikenal pasti. Keprihatinan Tun Ali selaku Canselor UTeM dalam menjayakan program kebajikan masyarakat ini secara langsung dapat meningkatkan imej dan visibiliti UTeM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul di negeri Melaka yang prihatin terhadap kebajikan masyarakat setempat. Lebih bermakna lagi, siswa UTeM yang terlibat dalam program ini mendapat inspirasi dari kesungguhan, kewibawaan dan keprihatinan yang diserlahkan oleh Tun Canselor kepada masyarakat setempat.









Semangat dan rasa cinta kemerdekaan negara turut diserlahkan menerusi Forum Kemerdekaan Isu Masyarakat di Era Millennial: Memakna Kemerdekaan dalam Kalangan Belia yang diadakan pada 30 Ogos 2022. Forum ini menjadi wadah diskusi menerusi perbincangan dan perkongsian topik menarik sejajar dengan ambang sambutan kemerdekaan negara yang disampaikan oleh ahli panel merentasi generasi yang terdiri daripada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Tan Sri Profesor Datuk Wira Abdul Latif bin Abu Bakar dan Saudara Muhammad Amri Hakimi bin Alias, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM. Peserta forum yang terdiri daripada kalangan siswa UTeM sendiri telah mendapat pendedahan yang amat bermanfaat menerusi kupasan pandangan dan pengalaman yang disampaikan untuk dijadikan bekal dan pegangan dalam mendidik jiwa dan membakar semangat patriotisme mempertahankan kedaulatan kemerdekaan negara.



Tun Ali turut melancarkan Buku Jejak Tiga Dekad Belia Melaka, hasil karya beliau sendiri yang menyoroti usaha beliau selama tiga (3) dekad sebagai pemimpin yang terlibat dalam pembangunan belia, perjuangan kepentingan belia dan pembangunan sosial serta ekonomi di negeri Melaka. Karya berimpak tinggi ini ternyata mampu menjadi nukilan inspirasi dan dedikasi pengalaman berharga kepada golongan belia untuk menjadi seorang pemimpin masa hadapan penuh dedikasi dan holistik dalam segenap aspek pembangunan mapan.





Program ini juga menyaksikan sumbangan bantuan makanan *Food Bank* daripada Yayasan DMDI kepada pihak UTeM yang disaksikan oleh Tun Ali dengan nilai sumbangan bernilai RM12,000.00 untuk dimanfaatkan kepada pelajar UTeM. Usaha kebajikan yang berterusan ini bukan sahaja memastikan kebajikan pelajar diberikan perhatian khusus, malah turut membantu para pelajar memberi tumpuan penuh kepada pelajaran tanpa perlu bimbang tentang keperluan harian. Inisiatif *food bank* ini mencerminkan keprihatinan pihak universiti yang dinaungi oleh Tun Ali sebagai Canselor dalam menangani isu kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan khususnya pelajar daripada golongan B40.

## *Galas Amanah*

### *Memperkasa Peranan Yayasan Canselor UTeM*

Dalam usaha memberikan lebih banyak ruang untuk mendapatkan sumbangan dana melalui jaringan dengan penyumbang, penaja dan penderma, Tun Ali terus memperkasakan fungsi dan peranan Yayasan Canselor UTeM yang pada awalnya ditubuhkan pada 18 April 2017 dengan nama Yayasan UTeM. Yayasan ini ditubuhkan bagi mengumpul dan menguruskan dana bagi membiayai aktiviti penajaan dalam bentuk biasiswa atau dermasiswa, penajaan yuran pengajian dan bantuan pendidikan, membiayai aktiviti keserjanaan ilmu seperti aktiviti akademik dan penyelidikan selain membantu kebajikan individu yang tidak berkemampuan menerusi nilai sumbangan yang ditetapkan serta membantu dalam penerbitan bahan saintifik untuk kegunaan Universiti dan masyarakat umum.

Berpandukan hala tuju yang dipimpin oleh Tun Ali selaku Canselor, Yayasan Canselor UTeM berupaya meningkatkan taraf kehidupan siswa yang kurang berkemampuan agar terus memperoleh pendidikan yang tinggi dan menggenggam kecemerlangan sekali gus dapat memantapkan pembangunan pendidikan UTeM sebagai sebuah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan peneraju Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

اوتوم سسته تىكنىك مالىسا ملاك





Di bawah naungan Tun Ali Rustam, peranan Yayasan Canselor UTeM amat signifikan dalam menyantuni kebajikan pelajar UTeM, khususnya melalui pelbagai inisiatif pemberian biasiswa dan bantuan kewangan yang bertujuan untuk meringankan beban mereka yang memerlukan. Yayasan ini juga memperkukuhkan sokongan kepada pelajar bukan hanya dari sudut akademik, tetapi juga dalam aspek pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah, selaras dengan hasrat untuk melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing. Tun Ali sentiasa memastikan yayasan ini berperanan sebagai platform strategik yang menghubungkan universiti dengan komuniti luar, termasuk sektor korporat, bagi memperluaskan impak sosial dan pendidikan yang lebih menyeluruh.





## *Ramah Mesra Yayasan Canselor UTeM bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022*

Peluang untuk berdiskusi bersama Tun Canselor menjadi peluang bermakna apabila Majlis Persatuan Pelajar (MPP) UTeM sesi 2021/2022 diberi kesempatan mengatur program ramah mesra bersama Tun Canselor bagi tujuan sesi dialog dan perkongsian aspirasi kepimpinan dari seorang pemimpin tempatan yang berjaya. Menerusi platform dialog ini para pemimpin pelajar memperoleh solusi terbaik terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh MPP khususnya dalam konteks perluasan skop kebajikan pelajar seperti peluang mendapatkan tajaan atau biasiswa pengajian, peluang mendapatkan tempat dalam industri semikonduktor tempatan dan lain-lain lagi.

Sesi pertemuan ini menjadi lebih signifikan apabila Tun Canselor turut memberi amanat tentang cabaran industri semasa dan pengalamannya sepanjang menjadi pemimpin dalam memajukan negeri Melaka sehingga dijulang di persada dunia. Perkongsian Tun Canselor menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada MPP UTeM untuk terus perkasa memimpin siswa siswi UTeM dengan penuh rasa amanah, integriti, telus di samping menjadi ejen solusi terbaik dalam segala aspek keperluan dalam kehidupan mahasiswa universiti



Program ini turut melibatkan Pengerusi Yayasan Canselor UTeM iaitu YBhg. Datuk Sri Jamil bin Salleh, Naib Canselor UTeM, Timbalan Naib Canselor UTeM (Hal Ehwal Pelajar) serta pegawai-pegawai Pejabat HEPA. Dalam menyokong agenda kelestarian dan kebajikan pelajar, Bank Rakyat telah berbesar hati memberi sumbangan asnaf bernilai RM30,000.00 kepada UTeM yang diterima oleh Yayasan Canselor UTeM. Menerusi sumbangan ini, pelajar UTeM daripada kalangan asnaf telah menerima manfaat sumbangan sekali gus membantu siswa dan siswi UTeM untuk menampung keperluan semasa pengajian mereka di Universiti ini.





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
www.utem.edu.my

START/FINISH

ALWAYS A PIONEER  
ALWAYS AHEAD

## *Mengekalkan Kesihatan Diri menerusi Program Eco Fit Brisk Walk bersama Tun Canselor*

Tun Ali terkenal sebagai seorang pemimpin yang menitikberatkan hal berkaitan kebajikan dan penjagaan kesihatan diri. Tun Ali telah mempelopori pelbagai inisiatif yang menyokong kesihatan awam dan gaya hidup sihat seperti mempromosikan program kesihatan di negeri Melaka seperti kempen anti-rokok, pencegahan penyakit berjangkit, serta mendorong aktiviti fizikal dalam kalangan masyarakat.

Semangat cintakan kesihatan diri ini lebih terserlah apabila Tun Ali sering kali menyertai program kesihatan yang dianjurkan kepada warga UTeM menerusi beberapa siri program UTeM Eco Fit Brisk Walk. Program berjalan kaki yang pernah mencecah lebih daripada 10 kilometer ini turut melibatkan Pengurusan Utama Universiti dan Pegawai Kanan Universiti, dan pernah mendapat penyertaan pelajar UTeM lebih daripada 1,000 orang. Penglibatan Tun Ali dalam program sukan bersama warga UTeM membuktikan bahawa penjagaan kesihatan adalah asas kepada kehidupan yang produktif dan berjaya. Dengan gaya hidup sihat, seperti pemakanan seimbang dan senaman boleh mengekalkan kecergasan dan menjaga keseimbangan fizikal dan mental.

Penglibatan Tun Ali dalam program brisk walk di UTeM memberi peluang kepada Tun Ali untuk bersama-sama Pengurusan Utama Universiti untuk melihat kawasan persekitaran kampus. Tun Ali pernah meluangkan masa melawat sekitar dusun UTeM dan tapak kebun jagung yang diusahakan oleh pihak PERTAM sebagai salah satu sumber penajaan Universiti.

Hasil program ini mencerminkan kepimpinan Tun Ali yang proaktif dalam memastikan kesejahteraan komuniti UTeM terjaga bukan sahaja dari segi kecemerlangan akademik dan penyelidikan, malah dari sudut fizikal dan mental demi pembangunan siswa yang holistik.

## *Menaungi Program Kepimpinan Anak Muda Negeri Melaka*

UTeM amat bertuah kerana terpilih menjadi tuan rumah bagi Program Kepimpinan Anak Muda negeri Melaka yang dianjurkan dengan jayanya oleh Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN) dan Jabatan Komunikasi (J-COM), Jabatan Perdana Menteri, dan beberapa agensi lain termasuk Jabatan Pendidikan negeri Melaka. Program yang mengumpulkan golongan belia dari seluruh negeri Melaka ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM. Menerusi pengisian program yang telah diaturkan sebaiknya secara bersama oleh pelbagai pihak yang berkepentingan, program ini telah memberi pendedahan dan perkongsian input bermanfaat dalam meningkatkan lagi tahap kepimpinan cemerlang golongan belia khususnya para pelajar menerusi ceramah motivasi dan perkongsian yang disampaikan oleh ahli panel jemputan antaranya penceramah selebriti Bro Amin Idris.

Lebih bermakna lagi, program ini turut menyaksikan pemberian sumbangan wang tunai dan 'hard disk' dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM60,000.00, di samping serahan sumbangan dari pihak PRIHATIN yang disaksikan oleh Tun Ali bagi menyokong program keusahawanan pelajar di UTeM berjumlah RM10,000.00. Menerusi sumbangan ini, kebajikan siswa UTeM terus terpelihara menerusi penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan yang dapat meningkatkan lagi ekonomi dan taraf hidup pelajar, sekali gus merealisasikan hala tuju UTeM untuk melahirkan dan memperkukuhkan keusahawanan berteraskan teknologi. MALAYSIA MELAKA







## *Saluran Kebajikan menerusi Perlawanan Sumbangsih*

Bersempena dengan penganjuran Pesta Konvokesyen ke-18 UTeM pada 3 hingga 7 November 2022, Pejabat HEPA melalui Pusat Sukan telah menganjurkan perlawanan persahabatan bola sepak iaitu Perlawanan Sumbangsih Pasukan Pilihan UTeM menentang Pasukan Veteran Malaysia. UTeM memilih pasukan Veteran Malaysia untuk mempromosikan semangat kesukanan dan menghargai sumbangan pemain bola sepak berpengalaman negara. Pilihan ini juga dapat merapatkan hubungan antara generasi muda dengan pemain veteran, membangkitkan semangat nasionalisme, serta memupuk nilai-nilai murni seperti perpaduan dan kerjasama melalui sukan selain menjadi platform bagi mengekalkan ikatan dan nostalgia sukan yang menyatukan masyarakat dan warga Universiti.

Tun Ali telah meluangkan masa untuk hadir bagi menyempurnakan pembukaan perlawanan sumbangsih yang julung kalinya diadakan di dalam Kampus UTeM, yang turut dihadiri oleh YB Tuan VP. Shanmugam a/l V. Pitchay, Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mewakili Ketua Menteri Melaka dan YBrs. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM serta Pegawai-Pegawai Kanan Universiti. Perlawanan persahabatan yang berjaya menarik perhatian lebih daripada 1,000 penonton daripada kalangan warga UTeM ini telah menampilkan pemain veteran seperti Azman Adnan, Datuk Soh Chin Ann, Datuk Santokh Singh, Khalid Ali, Mubin Moktar, Samsurin, Mazlan Wahid dan lain-lain lagi.


Perlawanan ini telah berjaya mengumpulkan hasil sumbangan berjumlah RM12,600.00 yang diserahkan oleh Yayasan Canselor kepada pihak UTeM untuk dimanfaatkan terhadap kebajikan pelajar UTeM. Menerusi sumbangan ini ianya dapat memperkukuhkan semangat tanggungjawab sosial melalui inisiatif bantuan kewangan kepada pelajar yang berkaitan dan sebagai tanda sokongan membangunkan kesejahteraan sosial sejajar dengan nilai-nilai murni program perlawanan sumbangsih tersebut.

Sebagai Canselor UTeM, Tun Ali terkenal dengan keperibadiannya yang sentiasa mendahulukan kebajikan pelajar dan masyarakat. Sikap beliau yang mesra dan prihatin terhadap keperluan pelajar menjadi contoh teladan dalam memupuk kesejahteraan komuniti universiti, khususnya melalui pelbagai inisiatif kebajikan yang berfokus kepada pembangunan holistik pelajar. Tun Ali sering turun padang untuk mendengar masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar, serta memberikan sokongan moral dan material bagi memastikan setiap pelajar berpeluang meraih kejayaan akademik tanpa dibebani isu kewangan atau tekanan hidup. Melalui kepimpinan beliau dalam Yayasan Canselor UTeM dan beberapa siri pelaksanaan program berteraskan kebajikan, pelbagai program bantuan kewangan dan biasiswa telah disalurkan, membuktikan komitmen beliau dalam membina generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berdaya saing dan sejahtera dari segi mental serta emosi. Di luar kampus, Tun Ali turut memainkan peranan penting dalam menyantuni masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan, melalui aktiviti sukarelawan dan kerjasama dengan pihak industri serta komuniti tempatan. Pendekatan Tun Ali yang menyeluruh dan penuh empati dalam memastikan kesejahteraan pelajar dan masyarakat selari dengan hasrat UTeM untuk memacu pendidikan berasaskan nilai kemanusiaan, sekali gus memperkukuhkan kedudukan universiti sebagai institusi yang prihatin dan responsif terhadap isu sosial.









Padang Temu mengail sembilang,  
Anak Cina duduk bergadang;  
Harum namamu tokoh terbilang,  
Seantero buana mata memandang.

Kain gerus cantik menawan,  
Songket tenunan indah kepalang;  
Tun pencetus semangat ilmuwan,  
Jejaki kejayaan unggul cemerlang.

Selendang sarat sulam kelingkan,  
Busana kerabat mutunya bahan;  
Genggam semangat ilmu dinobatkan,  
Insan hebat demi-Mu Tuhan.

Kain rawa pandang tak jemu,  
Cindai bersuji teratai dan undan;  
Semarak jiwa menaakul ilmu,  
Kepimpinan terpuji jadi tauladan.



*Canselor*  
UTeM TOKOH  
ILMUWAN

ويؤتمن سيني بكنكس لسينا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Di sebalik kesibukan Tun Ali dengan tugas utama di negeri Melaka Tun Ali sangat gemar menyertai aktiviti keagamaan baik di peringkat negeri mahupun negara. Tun Ali bukan sahaja menyertai, malah memberi komitmen penuh di atas program-program keagamaan yang dilaksanakan. Berkat ketekunan dan komitmen yang diberikan, tidak hairanlah Tun Ali amat disayangi seluruh rakyat negeri Melaka amnya dan warga UTeM khususnya.

اويومر سیتی تکنیکل ملیسا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





## Majlis Iftar bersama Canselor UTeM

Saban tahun, Pusat Islam UTeM menganjurkan program iftar harian di Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM. Kehadiran siswa dan siswi yang memenuhi perkarangan masjid bagi berbuka bersama, saban tahun amatlah memberangsangkan. Kehadiran lebih 1000 orang setiap hari menunjukkan nilai ukhuwah islamiah di antara staf dan pelajar amatlah rapat.

Majlis Iftar bersama Tun Ali, sememangnya ditunggu-tunggu oleh warga UTeM untuk beramah mesra bersama Tun Ali. Kehadiran beliau bukan sahaja demi mengeratkan silaturrahim, bahkan lebih dari itu. Sumbangan yang diberikan kepada para mahasiswa adalah bertujuan meringankan beban mereka yang

kurang berkemampuan. Nilai wang ringgit bukanlah menjadi keutamaan, namun tanda ingatan dan kasih Tun Ali itulah yang menjadikan siswa dan siswi berasa tidak kekok dan amat rapat dengan beliau.

Iftar bersama Tun Ali juga merapatkan jurang antara pengurusan tertinggi dan mahasiswa. Bayangkan, apabila semua yang hadir dapat menjamu selera bersama, tanpa mengira pangkat dan darjat, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi, dan inilah nilai murni tanpa diskriminasi yang ditunjukkan oleh Tun Ali. Nilai kepimpinan jitu yang menjadi tauladan buat para pemimpin muda.





## Majlis Mahabbah Aidilfitri

Kemeriahan Syawal yang ditunggu setiap Muslim, dirai sebulan dengan penuh kemeriahan dan keceriaan. Tun Ali selaku Canselor UTeM saban tahun tidak pernah terlepas menyambutnya bersama seluruh warga UTeM. Sambutan Mahabbah Aidilfitri adalah program besar menghimpunkan seluruh warga UTeM, berbilang bangsa dan agama.

Majlis ini dihadiri Tun Ali, sebagai simbolik penyatuan semua di bawah payung UTeM yang besar, tanpa mengira bangsa dan agama. Kesatuan ini mencerminkan Tun Ali sebagai penaung yang menyatupadukan seluruh warga, menjadikan UTeM unik, bertoleransi dan bekerjasama dalam pelbagai aspek demi perpaduan Malaysia tercinta. Keunikan ini, tidak lain adalah buah fikiran Tun Ali yang sentiasa meletakkan perpaduan sebagai teras utama keharmonian kaum di UTeM.





اوبومرسي تي تكيكل ملسيا ملاك

*Seminar* **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**  
*Peradaban Dunia Melayu Dunia Islam*  
**2023**

Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) ditubuhkan sebagai perintis dan pembuka jalan bagi pelbagai sektor terutama ekonomi, pendidikan, sosio budaya dan warisan, belia dan sukan, pelancongan serta pelbagai lagi. DMDI mempunyai 23 negara anggota. Presiden DMDI terkini ialah Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam. DMDI juga adalah cetusan idea Tun Ali, selepas melihat kepentingan mekanisme berkesan untuk menjana semangat di kalangan orang Melayu-Islam di seluruh dunia untuk cemerlang dalam bidang pembangunan utama seperti ekonomi, teknologi maklumat dan pendidikan, demi kepentingan dan kesejahteraan untuk membebaskan mereka daripada kemiskinan.





DMDI menganjurkan konvensyen tahunan dengan tema yang berbeza-beza. Matlamatnya adalah untuk menghimpunkan pemimpin serta tokoh Melayu dan Islam di seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai aspek khususnya sosiobudaya, pendidikan dan ekonomi serta mengeratkan jaringan sesama mereka.

DMDI juga bertanggungjawab menyelaras program mesyuarat, seminar, bengkel atau konvensyen di lokasi yang berbeza sama ada di dalam dan luar negara serta memantau program pembangunan masyarakat Melayu-Islam di seluruh dunia.

## UTeM Berselawat


UTeM Berselawat adalah salah satu program yang dinanti saban tahun oleh seluruh masyarakat dan mahasiswa. UTeM berselawat adalah salah satu Aktiviti- aktiviti yang dijalankan sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW di Dewan Canselor adalah seperti bacaan maulid, kisah-kisah para nabi, alunan-alunan qasidah dan ceramah perdana akan disampaikan oleh penceramah terkenal tanah air.

Program Sambutan Maulidur Rasul SAW dengan tema Malam Cinta Rasul SAW - UTeM Berselawat juga memberi peluang kepada pelajar UTeM untuk mencungkil bakat sebagai usahawan muda, di mana penyediaan tapak jualan kepada pelajar telah disediakan berhampiran dewan besar untuk menimba pengalaman berniaga sepertimana yang digalakkan Islam. Pusat Islam menampilkan tiga orang penceramah yang tersohor tanah air iaitu Al-Habib Ali Zainal Abidin Al-Hamid, Ust. Zul Ramli bin Mohamed Razali dan Ustaz Muhamad Hafiz bin Muhamad Haneefa @PU Hafiz.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW ini juga diserikan dengan kehadiran Tun Ali dan seluruh pegawai kanan universiti khususnya dan masyarakat luar dan dalam kampus amnya.

Keperibadian Tun Ali di dalam program keagamaan sangatlah jitu. Bukan sahaja memberi sokongan penuh, bahkan juga menghadiri setiap anjuran yang dilaksanakan. Ia menunjukkan, betapa Tun Ali sangat mementingkan nilai dan keperibadian yang unggul, serta menjadi contoh dan tauladan buat seluruh rakyat negeri Melaka.







Malam Cinta Islam  
2024  
Malam Cinta Islam Malaysia Melaka

at 2024  
Malam Cinta Islam  
Malaysia Melaka  
UTeM  
Raja Utama: UTeM

DINGS



Dokoh kalbu geliga ratu,  
Putih salju atma tertambat;  
Pengantarabangsa ilmu idea jitu,  
Aspirasi peneraju akademia hebat.

Kukuh atap diapit bengkawan,  
Jadi teduhan tiangnya banang;  
Kolaborasi mantap ilmu gandingan,  
Misi tujuhannya universiti dicanang.

Daun hias eloknya pending,  
Permata terang kerlipan cerlang;  
Kerjasama terajui menara gading,  
Universiti gemilang mahsyur terbilang.

Firus samudera tiada berbucu,  
Prahara tiupan gelora atma;  
Merentas segara ilmu dipacu,  
Bidang kesarjanaan matlamat utama.



*Canselor*  
UTeM DAN  
PENGANTARABANGSAAN


وېنور ميڠي بېكڪل لېسا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




*“Maka segala dagang yang banyak datang ke Melaka. Ada dari negeri Benua Keling, ada dari negeri China, ada dari negeri Jawa, ada dari negeri Brunei, ada dari negeri Bugis dan Makassar, ada dari negeri Siam dan semua datang ke Melaka. Maka sebab itulah Melaka jadi masyhur dalam dunia; bahawa segala dagang-dagang yang datang ke Melaka tiadalah berkehendak ke negeri lain. (Brown, 1952, p. 77)”*





Petikan masyhur dari Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin), terjemahan dan suntingan oleh C.C. Brown ini jelas menggambarkan keagungan Melaka sebagai pusat perdagangan dan hubungan antarabangsa. Kepintaran dan keupayaan nenek moyang negeri ini dalam menghubungkan dunia luar dengan kekuatan strategik dan diplomasi yang berkesan menjadi tulang belakang kejayaannya. Barangkali warisan inilah yang masih tersisa dalam jiwa pemimpin moden seperti Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, yang terus menghidupkan semangat pengantarabangsaan tersebut dalam era kontemporari.

Tun Ali, sebagai Tun Canselor UTeM, telah mewarisi bukan sahaja semangat pahlawan dan negarawan Melaka, tetapi juga visi untuk membawa institusi tempatan ke persada dunia. Seiring dengan hasrat Melaka sebagai pusat perdagangan global suatu ketika dahulu, beliau kini berusaha agar UTeM menjadi pusat kecemerlangan teknikal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dengan dedikasi yang tinggi, beliau tidak hanya memperjuangkan pengantarabangsaan universiti ini, tetapi turut memastikan bahawa UTeM mampu bersaing dengan universiti-universiti terkemuka dunia, agar nama Malaysia terus disegani dalam bidang pendidikan tinggi.





Tun Ali berpegang kepada prinsip bahawa hubungan antarabangsa dan kerjasama global adalah kunci kepada kemajuan dan kecemerlangan sesebuah institusi. Di bawah kepimpinannya, UTeM telah memperkukuh jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi pendidikan dan industri di luar negara. Ini termasuk memperluaskan rangkaian penyelidikan, program pertukaran pelajar, serta melibatkan tenaga pengajar dalam pelbagai program di peringkat global. Beliau percaya bahawa hanya melalui penglibatan aktif dengan dunia luar, UTeM boleh melahirkan graduan yang berkualiti, bertaraf dunia, dan mampu bersaing dalam pasaran global yang semakin mencabar.

Misi Tun Ali adalah untuk melihat UTeM menjadi sebuah universiti yang berdaya saing di peringkat global, menghasilkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mampu bersaing dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar. Beliau yakin bahawa dengan pengantarabangsaan, pelajar-pelajar UTeM akan terdedah kepada idea-idea baharu, teknologi terkini, serta rangkaian industri yang meluas di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, Tun Ali sentiasa menekankan kepentingan penyertaan universiti dalam pelbagai inisiatif dan kolaborasi antarabangsa, baik dalam bidang penyelidikan, inovasi, mahupun program mobiliti pelajar dan staf.

Visi beliau untuk pengantarabangsaan UTeM juga menekankan tentang keperluan universiti untuk mengembangkan bakat dan kemahiran pelajar melalui peluang pembelajaran lintas budaya dan interaksi global. Beliau percaya bahawa keterbukaan terhadap budaya dan perspektif antarabangsa adalah elemen penting dalam membentuk generasi pemimpin masa hadapan yang berfikiran kritis dan inovatif. Oleh itu, beliau sering menggalakkan penglibatan pelajar dan tenaga pengajar dalam program-program pertukaran pelajar, persidangan antarabangsa, dan jaringan global yang berpotensi memperkasa pengetahuan serta pengalaman mereka.

Sebagai seorang pemimpin yang tegas dengan misi dan visinya, Tun Ali juga sentiasa memastikan bahawa UTeM terus relevan dan responsif terhadap keperluan dan cabaran global. Antara inisiatif beliau yang utama adalah memperluaskan kerjasama dengan universiti terkemuka di luar negara, membina rangkaian strategik dengan industri antarabangsa, serta menggalakkan penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat global. Beliau berpendapat bahawa UTeM harus menjadi sebuah universiti yang mampu menghasilkan penyelesaian global kepada masalah-masalah dunia, terutama dalam bidang-bidang teknikal dan kejuruteraan. Dengan kepimpinan yang berwawasan dan sifat yang berjiwa besar, Tun Ali telah membuktikan bahawa warisan kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa suatu masa dahulu tidak sekadar sejarah. Sebaliknya, semangat itu terus dihidupkan dalam usaha beliau membawa UTeM ke persada dunia, agar kita, seperti mana Melaka dahulu, "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan institusi pendidikan tersohor di seluruh dunia.



اويؤمر سیتی تکنيکل مليسيا ملاک

## *Penglibatan Tun Ali dalam Memperkasa UTeM di United Kingdom, Jerman, Turkiye, dan Emiriah Arab Bersatu*

Sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Tun Ali terus memperkukuh dan menyokong usaha pengantarabangsa universiti melalui lawatan kerja ke United Kingdom, Jerman, Turkiye, dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada bulan Oktober 2022. Lawatan ini memperlihatkan dedikasi beliau dalam memperluas jaringan antarabangsa UTeM, melibatkan kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan industri yang berpotensi besar, selaras dengan hasrat Tun Ali untuk melihat UTeM terus mengorak langkah di pentas global. Lawatan ke United Kingdom menonjolkan peranan penting Tun Ali dalam memperkukuhkan kerjasama penyelidikan antara UTeM dan Warwick Manufacturing Group (WMG), University of Warwick. Pertemuan ini membuka jalan bagi kolaborasi dalam bidang teknologi pengurusan tenaga, khususnya pembangunan bateri dan pembuatan tambahan (additive manufacturing), yang mana UTeM berpotensi menjadi pusat rujukan dalam bidang ini. Selain itu, lawatan ini juga melihat kolaborasi antara UTeM





Holdings dan International *Foundation Group* (IFG) untuk membuka program persediaan (foundation studies) di Melaka pada tahun 2023.

Di Jerman, Tun Ali memainkan peranan aktif dalam perbincangan dengan NRW Global Business dan Universiti Münster untuk meneroka peluang pelaburan dalam teknologi hijau, khususnya dalam teknologi bateri. Tun Ali menyatakan minat yang mendalam untuk membawa pelaburan teknologi ini ke Melaka, menjadikan UTeM sebagai pusat komersial bagi penghasilan produk tenaga, serta memacu pendidikan teknologi hijau dan bateri di UTeM. Kerjasama ini juga membincangkan penggunaan tenaga mahir dalam pemasangan sistem solar, yang amat diperlukan di Jerman dan Malaysia, Tun Ali meneruskan usaha memajukan UTeM dengan lawatan ke Turkiye, di mana beliau berpeluang memperbaharui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Gebze Technical University dan menandatangani MoU baharu bersama Uskudar University Istanbul. Kerjasama ini melibatkan penyelidikan dalam bidang rehabilitasi dan teknologi bantuan, yang diketuai oleh kumpulan penyelidikan UTeM. Selain itu, perbincangan dua hala dengan Tubitak Research Center memfokuskan pada pengeluaran berskala kecil berkaitan teknologi bateri, dengan UTeM berpotensi menjadi hub utama untuk Melaka dalam bidang ini.

Di UAE, Tun Ali memimpin perbincangan dengan pelbagai universiti dan organisasi untuk memperkenalkan produk inovasi UTeM yang berpotensi untuk pasaran di negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Lawatan ini turut merangkumi perbincangan dengan Police College UAE untuk kerjasama dalam program pensijilan profesional dan program ijazah bersama di peringkat pascasiswazah. Ini membuka ruang kepada UTeM untuk terus meningkatkan keternampakannya di peringkat antarabangsa melalui inovasi dan teknologi yang diperkenalkan.





## *Penglibatan Tun Ali dalam Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam di Phnom Penh, Kemboja*

Pada September 2023, Tun Ali memainkan peranan penting dalam usaha pengantarabangsaan UTeM melalui penglibatan beliau dalam Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam kali ke-21 di Phnom Penh, Kemboja. Sebagai Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dan juga Canselor UTeM, Tun Ali sekali lagi mengukuhkan usaha memperkasakan nama UTeM di peringkat antarabangsa dengan menonjolkan potensi besar universiti ini dalam arena pendidikan tinggi teknikal (TVET) di persada dunia. Tun Ali, selaku presiden DMDI, bersama delegasi UTeM yang diketuai oleh Naib Canselor UTeM, YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin, memanfaatkan platform konvensyen KDMDI ini bagi memperkenalkan UTeM kepada masyarakat global, khususnya negara-negara anggota DMDI. Dengan tema "Memperkasakan Keusahawanan Dunia Melayu Dunia Islam," konvensyen ini telah membuka peluang besar kepada UTeM untuk mempromosikan peranan universiti dalam mendidik serta melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dalam bidang TVET.



Tun Ali juga menyokong usaha UTeM dalam memperkukuh jenama universiti melalui pameran penerbitan buku serta hasil penyelidikan yang menonjolkan keunggulan TVET di Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama strategik antara UTeM dan institusi-institusi pendidikan serta agensi-agensi antarabangsa yang bernaung di bawah DMDI. Dalam usaha berterusan Tun Ali untuk mengukuhkan hubungan antarabangsa UTeM, beliau telah menyaksikan penandatanganan dua Memorandum Persefahaman (MoU) di bawah JELITA TVET Women Academy Sdn Bhd dan satu surat niat (Letter of Intent) dengan sebuah Persatuan Pusat Bertauliah, iaitu Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Langkah ini bukan sahaja memperluas peluang latihan keusahawanan berasaskan TVET, tetapi juga membuka pintu kepada kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan negara-negara anggota DMDI, termasuk Kemboja. Sebagai seorang pemimpin yang berwawasan, Tun Ali terus memupuk semangat kebersamaan dan kekeluargaan dalam kalangan negara-negara anggota DMDI, sambil mengekalkan identiti UTeM sebagai universiti teknikal yang berdaya saing di peringkat global.



## *Penglibatan Tun Ali dalam Memperkasa UTeM di Cape Town, Afrika Selatan*

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Tun Ali dalam memacu UTeM ke persada antarabangsa, beliau mengetuai lawatan rasmi ke Cape Town, Afrika Selatan, pada 27 Jun hingga 3 Julai 2024. Lawatan ini, yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), bertujuan untuk memperkukuh hubungan strategik antara UTeM dan beberapa institusi terkemuka di Cape Town, serta meneroka peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Salah satu objektif utama lawatan ini adalah untuk menjalinkan kerjasama dengan University of Cape Town dan Stellenbosch University, dua institusi yang menduduki kedudukan tinggi dalam QS World University Rankings. Dalam pertemuan bersama pihak pengurusan University of Cape Town, Tun Ali menekankan pentingnya kerjasama dalam bidang teknikal dan TVET, khususnya dalam penyelidikan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau.

Tun Ali juga memanfaatkan lawatan ini untuk memperkukuhkan kerjasama dalam bidang teknologi halal dengan universiti-universiti di Cape Town. Perbincangan mengenai geran padanan bagi kerjasama penyelidikan dalam bidang halal menjadi agenda utama dalam mesyuarat bersama Stellenbosch University. Selain itu, UTeM turut terlibat dalam menandatangani beberapa perjanjian kolaborasi bagi memperkasa teknologi pengurusan halal di Afrika Selatan, yang akan menjadi

penyumbang utama dalam sektor ekonomi halal di rantau tersebut. Lawatan Tun Ali ke Cape Town juga membuka peluang kerjasama dalam bidang realiti tambahan (Augmented Reality, AR) dan realiti maya (Virtual Reality, VR), dengan perbincangan tertumpu kepada pengkomersilan produk teknologi UTeM di Afrika Selatan. Lawatan ke Innovation Hub di University of Western Cape memperlihatkan potensi besar kerjasama dalam membangunkan teknologi simulasi yang boleh dimanfaatkan dalam pelbagai sektor, termasuk sektor pendidikan dan latihan teknikal. Tun Ali menegaskan kepentingan teknologi ini dalam memajukan pembelajaran teknikal yang lebih interaktif di UTeM, sekali gus memperluas pengaruhnya di peringkat antarabangsa.

Selain daripada kerjasama akademik, Tun Ali turut terlibat dalam usaha memperkukuhkan hubungan dengan institusi Islam di Cape Town, termasuk Madina Institute dan International Peace College South Africa. Perbincangan di institusi-institusi ini membuka jalan untuk kolaborasi dalam bidang pendidikan Islam serta penubuhan pusat pembelajaran UTeM di Madina Institute. Langkah ini dilihat sebagai satu lagi inisiatif Tun Ali untuk memastikan UTeM terus relevan dalam menyokong komuniti Islam di peringkat global sambil meningkatkan keternampakan UTeM sebagai institusi pendidikan tinggi teknikal.

Lawatan rasmi ke Cape Town ini menjadi satu lagi contoh nyata dedikasi Tun Ali dalam memastikan UTeM terus berperanan sebagai pemacu inovasi dan pendidikan TVET di peringkat global, sambil memperkukuhkan hubungan antarabangsa yang strategik demi masa depan yang lebih gemilang.









## *Harapan Tun Canselor terhadap UTeM dalam Misi Pengantarabangsaan*

*“A journey of a thousand miles begins with a single step” —  
Lao Tzu.*

Begitulah kata kata yang tepat untuk menggambarkan usaha Tun Ali dalam memacu pengantarabangsaan UTeM. Namun, seperti yang diingatkan oleh Tun Ali dalam ucapan majlis konvokesyen sebelum ini, sejauh mana langkah diambil, jika tidak disusuli dengan tindakan, maka ia hanya akan berakhir sebagai bayangan kosong. Tun Ali sentiasa menegaskan bahawa kejayaan bukanlah sekadar tercipta di meja perbincangan atau semasa lawatan rasmi, tetapi melalui tindakan yang konsisten dan impak nyata. Setiap kerjasama dan kolaborasi antarabangsa yang dibina bukan sekadar pencapaian simbolik, tetapi harus diterjemahkan kepada hasil yang memacu kemajuan.

Ombak menjulang membadai umur,  
Prahara berani pusaran ligat;  
Ilmu dijulang menggamit makmur,  
Sejahtera harmoni umat sejagat.

layar hikmat membelah samudera,  
Gagah perkasa nakhoda Betawi;  
Juarai khidmat insan sejahtera,  
Berbakti berjasa sayangi pertiwi.

Nakhoda tawan badai segara,  
Mega bernyawa menongkah daya;  
Hebat Ilmuwan memakmurkan negara.  
Semangati jiwa bangsa berjaya.

Kembara abadi lumrah alami,  
Suluhan bulan fitrah menyerlah;  
Semaian budi rakyat kagumi,  
Semoga amalan diredhai Allah.



*Tun Ali*  
MENGEMBANGKAN  
NILAI, MENGGAMIT  
KEMAKMURAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## *Majlis Penyerahan Dividen Tahunan oleh Syarikat Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) iaitu sebuah syarikat milik UTeM telah ditubuhkan dengan kelulusan Kementerian Kewangan dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 Mei 2006 sebagai sebuah syarikat persendirian. Objektif utama penubuhan UHSB ialah untuk membantu UTeM dalam menggalakkan kemajuan dan penyebaran pengetahuan bagi bidang pengajian, penyelidikan termasuk perniagaan.

Pada 28 Mac 2024 telah berlangsung penyerahan replika cek bayaran dividen UHSB kepada UTeM sebanyak RM8 juta, yang disaksikan oleh Tun Ali merangkap Canselor UTeM dalam Majlis Berbuka Puasa bersama TYT Tun Canselor di kampus induk UTeM.

Selaku Canselor UTeM, ini merupakan tahun ke tiga TYT Tun Canselor sudi meluangkan masa untuk hadir menyaksikan Majlis Penyerahan Dividen oleh UHSB kepada UTeM walaupun dalam kekangan masa sebagai Yang Dipertua Negeri Melaka. Komitmen yang ditunjukkan oleh Tun Ali amat dihargai dalam menyokong usaha UHSB untuk terus menyumbangkan hasil dividen kepada Universiti.

Amaun dividen sebanyak RM8 juta tersebut merupakan angka tertinggi sejak penubuhan syarikat, iaitu bersamaan 54.6% daripada keuntungan bersih UHSB tahun 2023. Angka tersebut jelas menggambarkan peningkatan yang memberangsangkan jika dibandingkan pada tahun sebelumnya sebanyak RM5 juta.

Peningkatan terhadap pemberian dividen tahunan oleh UHSB ini secara langsungnya telah membantu kepada lonjakan penajaan pendapatan daripada sumber dalaman Universiti bagi menampung perbelanjaan operasi serta dapat dimanfaatkan untuk keperluan pelajar.



## *Bibliografi*

Brown, C. C. (1952). Sejarah Melayu (The Malay Annals). Oxford University Press.

Maisarah Mohamed Pauzi. (2017). Revolusi Perindustrian 4.0: Satu Pengenalan. (Ahmad Fahmi Mokhtar, Ed). PAMI Resources.

Pelan Strategik UTeM 2023–2025.

Terbitan Khas Istana Melaka 100 hari Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam Yang Di-Pertua Negeri Melaka 4 Jun 2020 – 11 September 2020.

Yusos, M. F. (2017). Revolusi Perindustrian Keempat/Industri 4.0/Ir 4.0. A



UTeM

اوپنورسیتی تکنیکل ملایسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**UTeM**

اوپنورسیتی تکنیکل ملایسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





UTeM

اوپنورسیتی تیکنیکل مالسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UTeM

اوپنورسیتی تیکنیکل مالسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Perpustakaan Laman Hikmah  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,  
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal,  
Melaka, Malaysia.

Phone: +606-270 1200 Fax: +606-270 1039

*Junjungan  
Budi Sinaran  
Lembayung*

CANSELOR UTeM

UNIVERSITI TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA  
DR. HAJI MOHD ALI  
BIN MOHD RUSTAM



PENERBIT  
UTeM  
Press

Laman Sesawang : <https://penerbit.utm.edu.my>  
Kedai Buku Dalam Talian : <https://utembooks.utm.edu.my>  
Emel : [penerbit@utm.edu.my](mailto:penerbit@utm.edu.my)

ISBN 978-629-7658-98-8



9 786297 1658988